

JARINGAN UNIVERSITI-KOMUNITI

Membudayakan Kesukarelawananan Mahasiswa

JARINGAN UNIVERSITI-KOMUNITI

Membudayakan Kesukarelawananan Mahasiswa

*Khairunesa Isa
Noor Aziah Mohd Awal
Ahmad Khirul Nizam Ali
Omar Abu Hassan*


**Penerbit
UTHM**
2020

© Penerbit UTHM
Cetakan Pertama 2020

Hak cipta terpelihara. Menghasilkan semula mana-mana artikel, ilustrasi dan kandungan buku ini dalam apa jua bentuk elektronik, mekanikal fotokopi, rakaman atau apa-apa bentuk tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Pejabat Penerbit Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Parit Raja, Batu Pahat, Johor adalah dilarang. Mana-mana rundingan tertakluk kepada pengiraan royalti dan honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Khairunesa Isa

JARINGAN UNIVERSITI-KOMUNITI : Membudayakan

Kesukarelawanan

Mahasiswa / Khairunesa Isa, Noor Aziah Mohd Awal, Ahmad Khirul

Nizam Ali,

Omar Abu Hassan.

ISBN 978-967-2389-67-5

1. Education, Higher--Activity programs.

2. Student volunteers in social service.

3. Volunteers.

4. Government publications--Malaysia.

I. Noor Aziah Mohd. Awal. II. Ahmad Khirul Nizam Ali.

III. Abu Hassan Omar. IV. Judul.

378.595

Diterbitkan oleh:

Penerbit UTHM

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

86400 Parit Raja,

Batu Pahat, Johor

No. Tel: 07-453 8698 / 8529

No. Faks: 07-453 6145

Laman web: <http://penerbit.uthm.edu.my>

E-mel: pt@uthm.edu.my

<http://e-bookstore.uthm.edu.my>

Penerbit UTHM adalah anggota
Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia
(MAPIM)

Dicetak oleh:

PERCETAKAN IMPIAN SDN BHD

No. 67 Jalan Bukit 9

Kawasan Perindustrian MIEL

Bandar Baru Seri Alam,

81750 Masai, Johor Bahru

Isi Kandungan

<i>Prakata</i>	<i>vii</i>
<i>Penghargaan</i>	<i>ix</i>
<i>Pengenalan</i>	<i>xi</i>
Bab 1 <i>University-Community Engagement: Dari Perspektif Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum (PPUK)</i>	1
Bab 2 <i>Pembentukan Komuniti Resilien Melalui Program University-Community Engagement (UCE)</i>	15
Bab 3 <i>‘Kampung Angkat’ : Model Transformasi Pembangunan Komuniti</i>	31
Bab 4 <i>Kesukarelawanan Mahasiswa Dalam Masyarakat : Melahirkan Insan Berjiwa Murni</i>	35
Bab 5 <i>Sekretariat Sukarelawanan Yayasan Kanser Tunku Laksamana Johor (SSYKTLJ) Bukti PPUK Peka Dalam Kepimpinan Kesukarelawanan</i>	45
Bab 6 <i>Community Development Camp (COMDECA)</i>	55
Bab 7 <i>Bengkel Asas Penyelenggaraan Elektrik Sebagai Modul University-Community Engagement Berkemahiran</i>	69
<i>Bibliografi</i>	85
<i>Biodata Penulis</i>	89
<i>Indeks</i>	93

Prakata

Jaringan Universiti-Komuniti Membudayakan Kesukarelawanan Mahasiswa merupakan satu lagi buah tangan dari Jabatan Kepimpinan, Khidmat Komuniti, Pengucapan Awam dan Kemahiran, Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum (PPUK), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) untuk pembaca memahami dan menghayati peranan universiti serta komuniti dalam membudayakan kesukarelawanan dalam kalangan mahasiswa. Sebagai sebuah perkampungan para cendekiawan, universiti bukan sahaja bertanggungjawab melahirkan mahasiswa yang berketerampilan malah berperanan terhadap pertumbuhan komuniti setempat. Jaringan kerjasama antara universiti dan komuniti mampu menyemarakkan lagi impak kedua-dua institusi tersebut terhadap kemenjadian mahasiswa terutama dalam menyuntik semangat kesukarelawanan.

Buku ini memberi pemahaman mengenai peranan dan impak universiti, bukan sahaja dalam konteks universiti itu sendiri malah turut merangkumi program-program bercirikan kesukarelawanan yang dianjurkan untuk komuniti. Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum (PPUK) merupakan sebuah pusat pengajian yang diberi mandat khusus dalam mengurus tadbir pelaksanaan program-program yang melibatkan hubungan antara universiti dan komuniti. Cuba menetengahkan program berbentuk *University-Community Engagement* (UCE) semasa melaksanakan program, PPUK melihat impak daripada pelaksanaan program tersebut bukan hanya kepada pelajar malah kepada kemandirian hidup komuniti. Dalam konteks ini, komuniti juga berperanan penting dalam menjayakan agenda pembangunan negara.

Jalinan hubungan yang berkesan antara universiti dan komuniti dapat dilihat melalui **Buku Jaringan Universiti-Komuniti Membudayakan Kesukarelawanan Mahasiswa**. Hubungan saling kait antara universiti dan komuniti sebagai faktor pemboleh ubah terhadap mahasiswa menunjukkan impak institusi pendidikan dan kemasyarakatan di sesuatu lokaliti itu penting dalam proses memamatkan mahasiswa. Penerapan

elemen kesukarelawanan yang tidak mampu dihayati secara teori di bilik kuliah dapat diterapkan melalui program-program UCE yang telah disusun rapi. Walaupun berkonsepkan bacaan ringan, buku ini mampu membawa pembaca yang boleh terdiri dari pelajar, pensyarah, orang awam, pihak pentadbir kampung dan ahli sukarelawan menghayati kesan jaringan kerjasama antara universiti dan komuniti dalam membudayakan nilai sukarelawan mahasiswa. Disertakan tujuh naskah penulisan mengenai pelbagai pendekatan yang pernah dijalankan supaya pembaca lebih memahami peranan universiti dan komuniti dalam membudayakan kesukarelawanan mahasiswa.